

Konsep Pemikiran Dalam Ukiran Kayu Tradisional Masyarakat Melayu

The Concept of Thinking in the Traditional Wood Carving of the Malay Society

Ahmad Naim Mustaqim Yusri* & Siti Ainsyah Chee

Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
* m20222002187@siswa.upsi.edu.my

Published: 30 December 2022

To cite this article (APA): Yusri, A. N. M., & Chee, S. A. (2022). Konsep Pemikiran Dalam Ukiran Kayu Tradisional Masyarakat Melayu: The Concept of Thinking in the Traditional Wood Carving of the Malay Society. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(2), 49–55. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.6.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.2.6.2022>

Abstrak

Kajian ini menfokuskan kepada nilai pemikiran dalam ukiran kayu tradisional masyarakat melayu. Wujudnya idea kajian ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji dalam bidang seni kraft ukiran kayu. Oleh itu, pengkaji tertarik dalam membuat kajian ini disebabkan kekaguman terhadap nilai intelek masyarakat terdahulu dalam menghasilkan sebuah karya. Hal ini kerana sebuah karya yang bernilai tinggi mempunyai makna atau penceritaan dibaliknya bukan sahaja diukur dari segi konteks estetika, kekemasan dan kehalusan. Kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes telah membuktikan bahawa dalam seni ukiran kayu mempunyai martabat yang tinggi pada zaman dahulu. Hal ini kerana masyarakat dahulu mampu mengadaptasi dengan bijak mengenai pemilihan sesuatu motif berdasarkan lingkungannya. Sebagai contoh, motif-motif yang dihasilkan berdasarkan beberapa aspek yang berkait dengan kehidupan harian iaitu unsur kepercayaan, pemakanan dan perubatan.

Kata kunci: konsep pemikiran, ukiran kayu tradisional

Abstract

This research focuses on the values of Malays' traditional art of wood sculpting. The main idea or basis of the research comes from the researcher's experiences working on crafting wooden sculptures. The attentiveness of the researcher mainly stemmed from his admiration for the sophisticated and high level of intellect shown by traditional Malays through their magnificent crafts. These highly valued crafts accumulate many meanings and stories in which they could be subjectively interpreted through the contexts of aesthetic, immaculateness and exquisiteness by their admirers. The qualitative method that was chosen as an approach has proven that traditional art of wood sculpting was once greatly appreciated by the locals as they were very adaptable in motifs which became core of their artistic endeavour. For example, the chosen motifs were based on the many aspects in one's daily life such as beliefs, diet and medicinal practices.

Keywords: concept of thought, traditional art of wood sculpting

PENGENALAN

Seni ukir adalah satu pertukangan tangan yang menjadi tradisi kepada masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Seni ukiran Melayu tradisi telah ada sejak lebih 500 tahun dahulu. Pada ketika itu, orang Melayu sudah memberi perhatian yang istimewa terhadap seni ukiran. Sukar untuk melihat catatan dalam mengetahui sejarah awal ukiran kayu, namun demikian catatan sejarah dijumpai pada zaman batu Neolitik di Asia Tenggara. Catatan tersebut menunjukkan terdapat pandai ukir telah wujud pada zaman dahulu lagi. Ini terbukti ukiran yang terdapat pada belanga, gelang, kendi dan pinggan mangkuk.


Pengkaji tidak menjumpai artifak dalam bentuk kayu kerana jangka hayat kayu atau balak yang agak rendah dan jarang ada yang melepasi hayat 400 tahun menyukarkan bukti perkembangan atau kemajuan ukiran kayu untuk diperolehi, lebih-lebih lagi artifak lebih dari 200 tahun.

Seterusnya, perkembangan ukiran kayu dapat dibahagikan kepada beberapa fasa iaitu zaman pertengahan, zaman moden, dan era globalisasi. Alam Melayu ini kaya dengan adat budaya yang unik. Bermula dengan kepercayaan animisma, kemudiannya zaman pertengahan iaitu kedatangan agama Hindu Buddha ke Tanah Melayu dan kemasukan agama Islam serta perkembangan zaman moden hingga kini yang dikenali era globalisasi. Banyak mempengaruhi adat resam, bahasa, tutur kata, gaya hidup serta status sosial masyarakat sekali gus merubah sistem kepercayaan masyarakat semenanjung Tanah Melayu.

Gaya hidup Buddha disambut baik oleh raja dan hampir kesemua masyarakat Melayu. Raja merupakan penaung dalam penyebaran gaya hidup Buddha di Tanah Melayu. Raja menjadi simbol penyatuan serta keagungan bangsa Melayu dan dianggap sebagai anak dewa, setiap sesuatu dibuat adalah untuk Raja. Ukiran kayu pada abad ini lebih spesifik dan berkiblatkan raja. Wujudnya ramai pengukir pada abad ini kerana darjatnya diangkat oleh raja. Para pengukir berlumba-lumba untuk menghasilkan ukiran menggunakan gubahan motif-motif yang tersendiri dengan harapan dapat menjadi pengukir diraja. Nama-nama motif diletak berdasarkan nama raja ataupun nama istana, sebagai contohnya motif Istana Tengku Long, motif Istana Seri Menanti, motif Istana Jahar dan lain-lain lagi.

Bermula sejak zaman pra-Islam motif ukiran yang dihasilkan pada abad ini menjurus kepada kekaguman masyarakat terhadap ciptaan Allah S.W.T. Nama motif diletak dengan nama-nama tumbuhan seperti motif bunga cengkih, motif bunga bakawali, motif bunga kesida, dan sebagainya. Pada masa ini, wujudnya pemikiran pemilihan motif sesuai dengan sifat keperibadian masyarakat. Pemilihan sesebuah *subject matter* untuk dijadikan motif adalah berdasarkan sifat dan fungsinya. Sebagai contoh, motif bunga bakawali dipilih kerana bunga bakawali mempunyai khasiat khususnya dalam bidang perubatan yang mampu merawat masalah rabun mata dan penjagaan kulit muka. Manakala motif bunga reflesia tidak dipilih oleh masyarakat Melayu kerana sifat pokok bunga tersebut yang menumpang atas pokok lain dan mengambil segala nutrisi sehinggakan pokok yang ditumpang mati. Sifat mengambil kesempatan atas orang lain ini bertentangan dengan sifat orang Melayu yang berpandukan ajaran Islam dan budaya masyarakat.

Pada zaman moden, pemikiran masyarakat mula berubah ke arah pemikiran materialistik. Pemikiran ini lebih berorientasikangunaan praktis dan gaya hidup yang lebih mudah. Ciri kehidupan masyarakat moden lebih mudah dan produktif dengan adanya bantuan teknologi. Produk budaya yang dihasilkan kebanyakannya berorientasikan pada nilai jual. Penghasilan produk budaya pada zaman ini berpandukan kepada mata wang. Dengan bantuan teknologi produk yang dihasilkan dapat dikeluarkan dengan kuantiti yang banyak dalam masa singkat. Hal ini mengakibatkan kurangnya kerja-kerja tangan yang berlaku dalam penghasilan sesebuah produk budaya. Era globalisasi pula, pemikiran masyarakat lebih terarah kepada pemikiran metarilistik berorientasikangunaan praktis dengan kombinasi budaya global. Produk budaya kebanyakan fokus kepada nilai jual yang beridentiti. Masyarakat kini lebih mementingkan identiti sesebuah produk dan berdepan dengan konsep dunia tanpa sempadan. Kebanyakan produk yang dihasilkan lebih kepada produk yang dapat membantu memudahkan kerja-kerja harian manusia.



Rajah 1: Peta Semenanjung Tanah Melayu

Seseorang pandai ukir di Semenanjung Tanah Melayu lahir dari Pantai Timur. Masyarakat Pantai Timur kebanyakannya bekerja sebagai petani dan nelayan kerana pekerjaan tersebut mempunyai keistimewaan sehingga boleh melahirkan pandai ukir dalam bidang ukiran kayu di Tanah Melayu. Kedua-dua pekerjaan tersebut mempunyai masa luang pada musim tengkujuh yang biasanya berlangsung selama satu bulan atau lebih. Dalam kesempatan ini, petani dan nelayan mempunyai masa luang yang banyak untuk membuat persiapan atau baik pulih alatan yang digunakan seharian dalam mencari rezeki. Proses kreatif mula berlaku sehingga terhasil ilham untuk menghasilkan motif hiasan yang melambangkan sesebuah identiti. Dalam kajian bertajuk Konsep Pemikiran Dalam Ukiran Kayu Tradisional Masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia ini menekankan tiga aspek utama objektif kajian. Objektif pertama ialah motif pilihan berlandaskan perkembangan sejarah dan budaya masyarakat Melayu tradisi. Objektif kedua ialah unsur yang menjadi pegangan oleh pandai kraf Tradisional Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Manakala objektif kajian yang ketiga ialah kategori unsur hias yang di unakan oleh pandai kraf tradisi Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Ketiga-tiga objektif ini akan memberi impak kepada masyarakat tentang nilai pemikiran dalam seni kraf tradisional di Semenanjung Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menjurus kepada pendekatan historikal. Pendekatan historikal akan memperincikan lagi mengenai motif-motif tradisional yang terdapat dalam seni ukiran kayu tradisional berdasarkan peredaran zaman dalam ukiran kayu. Kajian ini adalah berdasarkan pemerhatian, kajian lapangan, temu bual dan analisis artifak. Kajian bersifat kualitatif akan dinilai secara induktif yang akan memberi makna kepada fokus kajian pengkaji ini. Pengumpulan data pula berdasarkan situasi yang sebenar iaitu di mana pengkaji membuat lawatan ke muzium dan istana. Kajian ini memberi fokus kepada makna, dan dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif supaya penyelidikan ini dapat menarik perhatian pembaca.

DAPATAN/ PERBINCANGAN

Motif-motif ukiran kayu tradisional masyarakat Melayu yang dihasilkan ini dipengaruhi oleh lingkungan pemikiran masyarakat. Setiap karya yang dihasilkan terikat dengan pemikiran masyarakatnya. Contohnya cara berfikir masyarakat moden dipengaruhi persekitaran budaya kehidupan moden, begitu juga dengan masyarakat tradisional dipengaruhi oleh persekitarannya.













Rajah 2: Rostrum UPSI bermotifkan keladi biak.


Motif keladi biak yang terdapat di rostrum UPSI merupakan sebuah ukiran kayu tradisional yang dihasilkan oleh Izani Mat II ini merupakan motif rasmi UPSI dan berkonsepkan pemikiran. Keladi biak bukannya sejenis tumbuhan tetapi sebuah pemikiran. Pemikiran yang ingin disampaikan dalam motif keladi biak ini, mewakili orang Minang di Indonesia. Secara umumnya, orang Minang dikenali dengan sifat suka merantau dan pedagang, di mana sahaja mereka pergi kebanyakannya berjaya. Ini disebabkan mereka mampu mengadaptasikan keadaan di sekeliling dalam masa yang singkat. Konsep ini diharap dapat diaplikasikan oleh pelajar UPSI agar menjadi produk yang berjaya khususnya dalam bidang Pendidikan.

Motif tradisional yang mempunyai nilai pemikiran yang diterapkan oleh masyarakat terdahulu berkait rapat dengan persekitaran harian masyarakat dari segi kepercayaan, pemakanan dan perubahan. Pemilihan motif tradisional berpandukan kepada keperibadian masyarakat. Bertitik tolak hal ini, motif tradisional mendatangkan banyak fungsi dan sifatnya seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jenis dan unsur motif

Jenis- jenis	Unsur motif
	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;">  ➔  </div> <p style="text-align: center;">Itik Pulang Petang</p> <p>Motif itik pulang petang iaitu kewajipan mentaati pemimpin dalam perkara-perkara yang maaruf. Pemimpin tidak hanya terhad kepada pemimpin negara semata-mata, malah turut merangkumi pemimpin di rumah, masjid, kampung dan sebagainya.</p> <p>Selain dari itu, falsafah motif itik pulang petang dan semut berjalan juga ialah kewajipan untuk mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.</p>
<p>Kepercayaan</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;">  ➔  </div> <p style="text-align: center;">Bangau Perahu</p> <p>Latar budaya masyarakat Melayu di Pantai Timur sememangnya amat berkait rapat dengan alam kelautan. Konteks kepercayaan tradisional, laut adalah sebuah dunia yang mempunyai kuasanya tersendiri yang berkaitan dengan semangat dan dewa baik dan jahat yang berada di laut. Farish A. Noor dan Eddin Khoo (2003), para nelayan mempunyai kepercayaan bahawa mereka berhadapan dengan mambang laut yang berniat jahat. Justeru itulah, para nelayan meletakkan hiasan bangau sebagai perlindungan semasa di laut.</p>

<p>Pemakanan</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;">  ➔  </div> <p style="text-align: center;">Sulur Kacang</p> <p>Kacang panjang atau nama saintifiknya <i>Vigna Sesquipedalis</i> merupakan sejenis tanaman semusim yang tumbuh memanjat. Kacang panjang adalah sayuran yang popular dalam kalangan masyarakat Malaysia dan biasanya digunakan untuk kebanyakan jenis masakan khususnya dalam masakan asam pedas dan kari dan dimakan mentah sebagai ulam.</p>
<p>Perubatan</p>	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;">  ➔  </div> <p style="text-align: center;">Bunga Cengkih</p> <p>Bunga cengkih kaya dengan beta karoten iaitu sumber vitamin A yang baik untuk kesihatan mata. Dalam perubatan tradisional, secara tradisinya, wap air rebusan bunga cengkih digunakan bagi membantu mengurangkan keradangan dan melegakan simptom batuk, bronkitis, selsema serta asma.</p>
	<div style="display: flex; align-items: center; justify-content: center;">  ➔  </div> <p style="text-align: center;">Bunga Bakawali</p> <p>Bunga Bakawali dikenali sebagai Ratu Malam dan Kaktus Bulan, kerana sifatnya yang unik yang hanya mengembang dan berbau harum hanya selepas waktu tengah malam. Pokok bunga Bakawali mempunyai khasiat iaitu boleh mengubat masalah rabun, boleh membantu untuk mencantikkan kulit, embun yang melekat pada bunga tersebut jika disapu pada mata pula didakwa mampu membersihkan habuk pada bahagian sensitif mata dan kelopak bunga Bakawali dapat merawat luka.</p>



RUMUSAN

Hasil dapatan ini pengkaji telah menerokai seni kraft tradisional kursusnya dalam bidang ukiran kayu. Secara tidak langsung pengkaji dapat meningkatkan nilai intelek Melayu dalam penghasilan ukiran. Dengan ini, wujudnya nilai pemikiran yang boleh diterapkan dalam masyarakat Melayu kini. Namun, generasi moden masih belum mengamalkan konsep pemikiran dalam berkarya kerana mereka telah didedahkan dengan pendekatan Barat sejak awal persekolahan. Pendekatan Barat yang diterapkan kursusnya dalam bidang seni iaitu konsep peniruan (mimesis). Sebagai contoh, dalam pendidikan seni visual sekarang wujudnya konsep yang bertemakan *still life* lukisan iaitu berpandukan gambar atau visual. Sehubungan dengan ini, generasi sekarang dinilai berdasarkan ilmu kemahiran peniruan yang mereka kuasai.

Akhir sekali, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada kurikulum pendidikan seni yang akan datang. Dengan ini, masyarakat kini perlu mengetahui tentang kepentingan nilai pemikiran dalam berkarya yang diperkenalkan oleh masyarakat terdahulu demi memelihara seni warisan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (2016). *Ukiran kayu Melayu tradisi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah. (2001). *Spesies-spesies Kayu Dalam Seni Ukiran Melayu*. Johor, Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuansa ukiran kayu Melayu. (2015). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Pejabat D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak. (2020). Istana Kenangan Kuala Kangsar. Diperoleh daripada <http://sultan.perak.gov.my/index.php/informasi-kesultanan/istana/istanakenangan>
- Ukiran kayu warisan Melayu*. (2009). Kuala Lumpur, Malaysia: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Wonderful Malaysia*. (2020). Istana Balai Besar, Kota Bharu. Diperoleh daripada <http://www.wonderfulmalaysia.com/attractions/istana-balai-besar-kota-bharu.htm>